

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Govt seeks to minimise role in fixing electricity tariffs</u> Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin said MESI Reform 2.0 will implement strategies in the next three years that would enable market-driven electricity tariffs.	The Malaysian Reserve	Klik pada tajuk berita
2.	<u>Solve electricity woes with renewable energy — WWF-Malaysia</u> Last month at a townhall session held in Sabah with the Minister of Energy, Technology, Science, Climate Change and Environment Yeo Bee Yin acknowledged the inefficiency in electricity generation, transmission and distribution in Sabah.	Malay Mail	Klik pada tajuk berita
3.	<u>Climate change in Malaysia: floods, less food, and water shortages – yet its people are complacent</u> In July, two months after the new Pakatan Harapan government was voted in, Yeo Bee Yin, 35, was appointed as Malaysia's youngest female cabinet minister, in charge of the newly created Energy, Green Technology, Science and Climate Change Ministry.	South China Morning Post	Klik pada tajuk berita
4.	<u>Carry out fresh EIA on Penang highway project, Putrajaya told</u> "The traffic and social impact of the project must be made public. There is a need for transparency. Only then can the EIA be more meaningful." FMT has contacted Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin for comment and is awaiting a reply.	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita
5.	<u>Fenomena ribut hingga akhir Sept.</u> Pengarah Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional, Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip berkata, fenomena tersebut berlaku disebabkan musim	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 1 atau klik pada tajuk berita

	Monsun Barat Daya yang dialami negara berikutan keadaan atmosfera yang kondusif.		
6.	<u>Loji nuklear masih diperlukan di Malaysia/ Loji janakuasa nuclear masih perlu di Malaysia</u> Persidangan tersebut dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan), Dr. Zulkifli Mohamed Hashim, Agensi Nuklear Malaysia.	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 2 atau klik pada tajuk berita

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
7.	<u>TNB sedia kualiti elektrik terbaik kepada pengguna</u> Perubahan gaya hidup masyarakat kepada penggunaan produk berteknologi bijak menjadikan Tenaga Nasional Berhad (TNB) sentiasa memandang ke hadapan untuk menyediakan kualiti elektrik terbaik kepada penggunannya.	Berita Harian	Rujuk lampiran 3
8.	<u>UiTM 'gapai' angkasa lepas</u> Ia dilancarkan dari Pusat Pelancaran Fort Canaveral Florida ke Stesen Angkasa Antrabangsa (International Space Station/ISS).	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 4
9.	<u>Huawei minat kerjasama dengan TNB bangun HSBB</u> Huawei Technologies Co Ltd terbuka dengan potensi untuk bekerjasama dengan Tenaga Nasional Bhd (TNB) bagi melaksanakan projek infrastruktur menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) di negara ini.	Berita Harian	Rujuk lampiran 5 atau klik pada tajuk berita
10.	<u>TNB mega developments</u> Tenaga Nasional Berhad (TNB) is believed to have shortlisted three companies to develop four office blocks and shared facilities within the vicinity of its headquarters in Jalan Bangsar, Kuala Lumpur.	New Straits Times	Rujuk lampiran 6

11.	<u>Emerging Asia's Top Power Firm Considers M&A Deals to Go Green</u> Tenaga Nasional Bhd., the most valuable listed utility company in emerging Asia, is looking to sell its gas-fired power plant in Pakistan as it pushes forward with a plan to rely more on renewable sources of energy.	Bloomberg	Klik pada tajuk berita
12.	<u>Bekalan elektrik guna RE di Sarawak akan diperluas</u> Sarawak Energy Bhd (SEB) menyasarkan untuk memperluaskan liputan bekalan elektrik menggunakan tenaga boleh diperbaharui (RE) kepada masyarakat luar bandar di Sarawak menjelang tahun 2025.	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
13.	<u>Meter pintar mampu ubah tabiat penggunaan elektrik</u> "Kami berhasrat untuk memasang kira-kira 29 juta meter pintar menjelang 2020," kata Naib Presiden Eksekutif TEPCO, Dr Hiroshi Okamoto pada sidang akhbar selepas menjadi ahli panel pada sesi bertajuk Pendigitalan Industri Pembekalan Elektrik (ESI) dan Revolusi Perusahaan 4.0 di Persidangan CEPSI 2018, di KLCC pada Rabu.	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
14.	<u>Tiada kompromi pesalah sampah haram</u> Beliau berkata, aktiviti pembuangan sampah haram ini bukan sahaja mencemarkan alam sekitar bahkan mengganggu penduduk setempat.	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
15.	<u>AMR Environmental jayakan program kitar semula/ 1,300 sertai program kitar semula</u> Kira-kira 1,300 murid termasuk guru Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Pulai Perdana, dekat sini, mendapat pendedahan pendidikan kitar semula menerusi program Let's Recycle.	Berita Harian	Rujuk lampiran 7 atau klik pada tajuk berita
16.	<u>Firms eyeing much more in employees for IR 4.0</u> HELP University vice-president for Corporate and Operational Performance Datin Dr Wendy Liow said the university now embedded data analytics	The Star	Rujuk lampiran 8 atau klik pada tajuk berita

	component in all its courses to equip students with the necessary skills to face IR 4.0.		
--	--	--	--

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
17.	<u>Udara tercemar tingkat risiko hidap dementia</u> Pencemaran udara di bandar, kebanyakannya daripada asap kenderaan, dikaitkan dengan peningkatan risiko menghidap penyakit de-mentia, menurut penyelidikan diterbitkan hari ini.	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 9 atau klik pada tajuk berita
18.	<u>Tutup kompleks nuklear utama?</u> Menurut Channel News Asia memetik Presiden Korea Selatan, Moon Jae-in sebagai berkata, Pyongyang juga akan mengambil langkah tambahan seperti menutup kompleks nuklear utama Yongbyon sekiranya Amerika Syarikat (AS) mengambil tindakan yang sama.	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 10 atau klik pada tajuk berita
19.	<u>Shell and Exxon's secret 1980s climate change warnings</u> One day in 1961, an American economist named Daniel Ellsberg stumbled across a piece of paper with apocalyptic implications.	The Guardian	Klik pada tajuk berita
20.	<u>Climate change is making storms like Hurricane Florence worse</u> Extreme weather events are often pointed to as harbingers of what is to come, thanks to manmade climate change. Unfortunately, Hurricane Florence, like Hurricane Harvey last year, is an example of what climate change is doing to storms right now.	CNN News	Klik pada tajuk berita
21.	<u>Microplastics can spread via flying insects, research shows</u> Microplastic can escape from polluted waters via flying insects, new research has revealed,	The Guardian	Klik pada tajuk berita

	contaminating new environments and threatening birds and other creatures that eat the insects		
22.	<u>German firm's seven commandments for ethical AI</u> German business software giant SAP published an ethics code to govern its research into artificial intelligence (AI), aiming to prevent the technology infringing on people's rights, displacing workers or inheriting biases from its human designers.	The Star	Klik pada tajuk berita
23.	<u>UK funds development of electricity-generating building material</u> British government announced on Wednesday that it will provide funding to a project that develops new building materials and coatings which generate electricity from light and heat.	Xin Hua	Klik pada tajuk berita
24.	<u>How have plastic materials advanced space exploration?</u> High-tech rockets, expensive propellants and billions of dollars in research aren't the only things that have advanced space exploration. Plastic materials have played a vital role throughout the history of spaceflight, allowing astronauts to view their surroundings, breathe oxygen and travel comfortably in orbit around the earth, or on the way to the moon	Crafte Chind	Klik pada tajuk berita

LAMPIRAN 1
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 10
TARIKH: 20 SEPTEMBER 2018 (KHAMIS)

Ekoran kejadian melanda Perlis

Fenomena ribut hingga akhir Sept.

Oleh MUHAMAD IZZAT NASURUDEN
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 19 SEPT.

FENOMENA ribut garis badai yang melanda Perlis kelmarin dijangka akan berlaku pada bila-bila masa sehingga penghujung bulan ini dengan melibatkan kawasan pantai barat Semenanjung dan Sabah.

Pengarah Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional, Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip berkata, fenomena tersebut berlaku disebabkan musim Monsun Barat Daya yang dialami negara berikutan keadaan atmosfera yang kondusif.

"Ribut garis badai menyebabkan angin kencang, hujan lebat dan petir yang kerap semasa musim Monsun Barat Daya yang bermula 1 Jun lalu.

"Tanda-tanda awal sebelum ribut berlaku adalah pembentukan awan besar secara menegak, berkepul dan berwarna gelap serta penurunan suhu secara mendadak," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Dalam kejadian yang berlaku kelmarin, fenomena ribut garis badai yang menghasilkan hujan lebat dan angin kencang mengakibatkan sebanyak 139 buah rumah dan 38 sekolah di Perlis mengalami kerosakan.

Mengulas lanjut, Mohd. Hisham berkata, orang ramai perlu segera berlindung di tempat yang selamat apabila terdapat tanda-tanda petir, hujan lebat dan perubahan kelajuan angin dengan drastik.

Katanya, sekiranya berlaku fenomena tersebut, orang ramai perlu berlindung di dalam bangunan yang kukuh dan menjauhi pokok, tiang elektrik dan air banjir bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku.

"Kelajuan angin semasa kejadian ribut garis badai adalah melebihi 50 kilometer sejam dan boleh mencapai sehingga 70 kilometer sejam," katanya.

Sementara itu, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr. Mastura Mahmud berkata, fenomena cuaca ekstrem bukanlah luar biasa.



MOHD. HISHAM MOHD. ANIP



RIDZUAN OM dan Nafrah Ahmad melihat keadaan rumah mereka yang rosak akibat dilanda ribut di Kampung Kuala Perlis, malam semalam. - UTUSAN/TAHMAHEAD/IGAL ROSLI

8 sekeluarga tempuhi detik cemas

KANGAR 18 Sept. - Lapan sekeluarga mengalami detik mencemaskan apabila hampir keseluruhan bumbung rumah diterbangkan ribut kencang paling kuat pernah melanda Perlis malam tadi.

Enam pemilik rumah Ridzuan Om, 49, kira-kira pukul 9 malam, angin tiba-tiba berubah kencang.

Katanya, ketika itu, dia sedang berada di luar rumah.

pi datang semula kira-kira seminit selepas itu sehingga menerbangkan bumbung rumah.

"Kami melarikan diri ke rumah alang yang terletak bersebelahan dan melihat di depan mata, bumbung mula tercabut satu persatu," katanya yang bekerja sendiri ketika ditemui di rumahnya hari ini.

Isterinya, Nafrah Ahmad, 50, yang merupakan suri rumah, berkata, dia sedang berada di luar rumah.

dan mengarahkan kesemua anak berusia enam hingga 25 tahun berserta dua cucu keluar dari rumah," katanya yang memberitahu kesemua peralatan elektrik rosak dalam kejadian itu.

Dalam pada itu Jabatan Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Perlis memberitahu, sebanyak 92 rumah terjejas akibat ribut di seluruh negeri.

KERATAN *Utusan Malaysia*, semalam.

LAMPIRAN 2

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 9

TARIKH: 20 SEPTEMBER 2018 (KHAMIS)

Loji janakuasa nuklear masih perlu di Malaysia

KUALA LUMPUR 19 Sept. - Negara masih memerlukan pembinaan sebuah loji janakuasa nuklear yang bukan sahaja menghasilkan sumber tenaga baharu tetapi pelbagai penghasilan daripada teknologi berkaitan yang banyak memberikan faedah kepada orang ramai.

Presiden Pertubuhan Wanita Dalam Nuklear (WIN) Malaysia, Dr. Noor Hasnah Khairullah berkata, kerajaan berhak membuat keputusan untuk tidak memiliki loji tersebut tetapi demi masa hadapan untuk negara memiliki bekalan tenaga berterusan, keputusan tersebut perlu dikaji semula.

"Lebih-lebih lagi jika Malaysia hendak menjadi negara maju, industri penuh dan populasi penduduk yang semakin meningkat, penggunaan tenaga juga perlu ditingkatkan dengan sumber yang dapat menampung bekalan berterusan.

"Ditambah lagi bekalan tenaga melalui sumber fosil, minyak atau arang batu, lama kelamaan akan habis. Melalui sumber-sumber tenaga lain seperti solar dan hidro pula hanya memberikan sumbangan yang agak kecil," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis perasmian Persidangan Tahunan Kali Ketiga WIN Malaysia 2018 di Agensi Nuklear Malaysia, Bangi



ZULKIFLI MOHAMED HASHIM (empat kiri) bersama Noor Hasnah Khairullah (tiga kiri) bersama peserta Persidangan Tahunan Kali Ketiga WIN Malaysia 2018 di Agensi Nuklear Malaysia, Bangi, Selangor, semalam. - UTUSAN/MOHD NOOR MAT AMIN

dekat sini, hari ini.

Persidangan tersebut dirasmikan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) Agensi Nuklear Malaysia, Dr. Zulkifli Mohamed Hashim.

Beliau diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mahu Malaysia meneruskan polisi bebas nuklear bagi menjana kuasa elektrik,

sebaliknya meneruskan penggunaan bahan api yang dijamin lebih selamat.

Noor Hasnah berkata, kebimbangan mengenai kesan radiasi seperti kebocoran radiasi yang teruk di Loji Janakuasa Nuklear Fukushima Jepun pada 2011, hanya disebabkan oleh malapetaka alam.

"Akibat kejadian gempa bumi pada sembilan skala Richter di-

kuti dengan kejadian tsunami yang dahsyat menyebabkan loji janakuasa nuklear tersebut yang dibina sejak 1970-an itu musnah dan mengalami kebocoran.

"Malaysia boleh belajar daripada pengalaman negara-negara lain yang mempunyai loji janakuasa nuklear supaya negara bakal mempunyai loji sendiri yang lebih selamat dengan ciri keselamatan paling tinggi," katanya.

LAMPIRAN 3 BERITA HARIAN (CEPSI 2018): MUKA SURAT 3 TARIKH: 20 SEPTEMBER 2018 (KHAMIS)



Orang ramai mengunjungi ruang pameran pada CEPSI 2018 di KLCC, semalam.

TNB sedia kualiti elektrik terbaik kepada pengguna

➔ Penggunaan meter pintar bantu urus tenaga lebih efisien

Oleh Saadiah Ismail dan Farhany Rahman
cnews@nstp.com.my

■ Kuala Lumpur

Perubahan gaya hidup masyarakat kepada penggunaan produk berteknologi bijak menjadikan Tenaga Nasional Berhad (TNB) sentiasa memandang ke hadapan untuk menyediakan kualiti elektrik terbaik kepada pengguna.

Eksekutif Kanan, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Mohamad Halil Haron, berkata usaha itu tidak mungkin dapat direalisasikan tanpa beberapa anak syarikat yang bernaung di bawah TNB dan banyak memainkan peranan menuju ke arah perkhidmatan kualiti terbaik kepada seluruh pengguna.

Katanya, TNB yang kini dikelaskan sebagai perkhidmatan sokongan pada peringkat dunia mempunyai kira-kira 9.2 juta pengguna, termasuk Sabah dan Labuan.

"Dalam usaha menuju ke arah itu juga, faktor seperti tarif elektrik berpatutan tetap diutamakan supaya pengguna tidak terasa terbeban.

"Umpamanya penggunaan



Mohamad Halil memberi penerangan kepada pengunjung ruang pameran TNB.

meter pintar yang dilihat dapat membantu pengguna untuk menguruskan penggunaan elektrik di rumah dan sebagainya dengan lebih efisien.

"Pada masa sama, TNB turut menghantar penyata penggunaan supaya pengguna tahu bagaimana penggunaan tenaga elektrik mereka di rumah.

"Buat masa ini, di Melaka sudah dipasang dengan meter pintar ini dan seterusnya di kawasan Lembah Klang pula," katanya ketika ditemui pada Persidangan Industri Bekalan Tenaga Elektrik 2018 (CEPSI 2018) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini, semalam.

CEPSI 2018 adalah persidangan industri bekalan tenaga dan elektrik terbesar dianjurkan di negara ini yang dihoskan TNB bagi pihak Persatuan Industri Bekalan Elektrik Asia Ti-

mur dan Pasifik Barat (AESIE-AP).

Lebih 100 pempamer di pameran khusus yang bertemakan *Reimagining Utility of the Future*.

CEPSI 2018 mengumpulkan pemimpin utama industri dari seluruh dunia untuk melihat beberapa isu penting industri seperti cabaran, strategi, kempapan, teknologi dan masa depan yang berkaitan dengan tenaga.

Produk solar

Sementara itu, anak syarikat TNB, G Sparx, yang menawarkan produk solar turut menawarkan pelbagai kelebihan dalam usaha menuju ke arah penggunaan tenaga hijau.

Ketuanya, Mohd Yusrizal Mohd Yusof, berkata setakat ini, hanya dua peratus saja penggunaan tenaga hijau dalam ka-

langan pengguna, dan tidak mustahil ia akan meningkat pada masa hadapan."

Biarpun masih baharu, penggunaan tenaga solar ini pasti akan menarik minat kerana ia menjimatkan dan kos pemasangan juga akan semakin murah.

"Pengguna perlu bayar setiap bulan berdasarkan apa yang dijana oleh solar panel dan tarif mengikut persetujuan bersama. Malah tarif dikenakan juga rendah antara 20 peratus berbanding TNB.

"Konsep G Sparx ialah membuat pelaburan kepada pemilik bangunan komersial dan sertamerta mendapat solar panel tanpa bayaran pendahuluan. Mungkin selepas ini kita fokus untuk rumah persendirian pula," katanya.

➔ Lagi berita Ms.28

Pemain industri tawar teknologi jadikan masa depan lebih baik

Kuala Lumpur: CEPSI 2018 yang berlangsung dari 17 hingga 22 September mengumpulkan pemimpin utama industri bekalan tenaga dan elektrik terbesar dari seluruh dunia.

Presiden ABB Power Grid Division, Venu Nuguri, berkata pihaknya adalah pembekal terkemuka di dunia untuk produk, sistem dan penyelesaian perkhidmatan kuasa serta automasi yang membolehkan grid lebih kuat, pintar dan hijau.

Katanya, ABB menyediakan perkhidmatan utiliti, industri, pengangkutan dan prasarana yang memberi tumpuan menangani bidang utama seperti integrasi tenaga boleh diperbaharui, kerumitan rangkaian yang semakin meningkat dan sebagainya.

"Menerusi teknologi ditawarkan itu, ia memperlihatkan bagaimana kita dapat mengawal pengeluaran karbon dalam usaha menjadikan masa depan lebih baik khusus untuk generasi akan datang.

"Ditambah dengan faktor penghijrahan orang muda ke bandar, secara tidak langsung ia memberi cabaran besar kepada mereka. Dengan teknologi inilah kita boleh memberi jaminan kepada tenaga yang lebih baik.

"Saya juga melihat Malaysia mencapai kira-kira dua peratus saja untuk tenaga boleh diperbaharui pada hari ini dan menasarkannya kepada 20 peratus menjelang 2020," katanya.

Kongsi pengetahuan, pengalaman

Bagi Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sarawak Energy, Sharbini Suhali, CEPSI 2018 menyediakan platform di mana pengetahuan dan pengalaman boleh dikongsi di kalangan pemain industri dan pakar untuk menangani revolusi digital yang sedang berlaku.

Katanya, Sarawak Energy adalah syarikat pembangunan tenaga dan utiliti elektrik bersepadu vertikal dengan visi untuk mencapai pertumbuhan dan kemakmuran yang mampan untuk negeri berkenaan.

"Ia dapat dilakukan dengan memenuhi keperluan rantau ini dengan tenaga boleh diperbaharui yang boleh dipercayai.

"Pihak kami memulakan pelbagai inisiatif untuk memastikan tenaga kerja digital yang bijak. Kami mahu menjadi penyelesaian dan daya tahan serta masa depan harus mempunyai sifat ini," katanya.

Sementara itu, pengunjung, Eman Najua, 25, berkata beliau mengetahui mengenai pameran itu daripada perkongsian rakan-rakan di Facebook.

"Banyak manfaat yang saya dapat dan pengetahuan yang diperoleh daripada pameran ini kerana ia membabitkan pelbagai syarikat sama ada dari dalam dan luar negara," katanya.

Seorang lagi pengunjung, Ganchong Zeng, 26, berkata pameran ini dapat memberi inspirasi baharu kepadanya.

"Mungkin selepas ini kami akan mendapat lebih banyak idea dan benda baharu yang mungkin boleh digunakan pada masa akan datang," katanya.

LAMPIRAN 4

UTUSAN MALAYSIA (RENCANA): MUKA SURAT 18

TARIKH: 20 SEPTEMBER 2018 (KHAMIS)



HASSAN SAID (kanan) bersama tetamu khas menyaksikan detik satelit nano UiTMSAT-1 dilancarkan di Pusat Pelancaran Fort Canaveral Florida ke ISS di UiTM, Shah Alam, Selangor baru-baru ini. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

UiTM 'gapai' angkasa lepas

UTUSAN: Tahniat atas pelancaran nano-satelit. Boleh Datuk ceritakan serba sedikit tentang kejayaan bersejarah ini?

HASSAN: Terima kasih. UiTM mencipta sejarah sebagai universiti pertama di negara ini yang melancarkan nano-satelit, UiTMSAT-1 pada kira-kira pukul 6 petang waktu tempatan 29 Jun lalu.

ia dilancarkan dari Pusat Pelancaran Fort Canaveral Florida ke Stesen Angkasa Antarabangsa (International Space Station/ISS). UiTMSAT-1 adalah hasil produk daripada projek kerjasama 'BIRDS-2 (Joint Global Multi-Nation)' dengan Bhutan dan Filipina yang diterajui oleh Kyutech. Dua pelajar pascasiswazah Malaysia dari UiTM ialah antara 10 orang pelajar yang menjadi ahli kerjasama BIRDS-2 ini.

Mereka adalah pelajar yang bertanggungjawab dalam merealisasikan pembinaan dan pelancaran tiga buah nano-satelit BIRDS-2: UiTMSAT-1, BHUTAN-1 (bagi negara Bhutan) dan MAYA-1 (bagi negara Filipina).

Apakah signifikan pelancaran UiTMSAT 1 kepada pihak UiTM?

Dengan wujudnya projek kerjasama BIRDS-2 dan kesungguhan setiap ahli dan pihak terlibat dalam perlaksanaannya, UiTM menjadi universiti pertama di Malaysia yang melancarkan satelit buatan sendiri dengan kos yang lebih rendah berbanding satelit komersial yang mana ia adalah objektif utama UiTM dalam kerjasama ini.

Pelancaran nano-satelit ini menyumbang kepada rancangan jangka panjang UiTM

MUKADIMAH

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) yang merupakan institut pengajian tinggi khas untuk bumiputera bukan sahaja melahirkan ratusan ribu tenaga profesional dan separa profesional sejak ditubuhkan atas nama Institut Latihan RIDA pada 1956 tetapi kini sudah mampu 'terbang' tinggi hingga ke ruang angkasa lepas.

Buktinya, kejayaan UiTM dengan kerjasama Kyushu Institute of Technology (Kyutech) melancarkan nano satelit ke angkasa lepas yang kini menjadi penanda aras kepada mana-mana universiti tempatan di negara ini untuk menceburi bidang tersebut pada masa depan.

Wartawan *Utusan Malaysia*, **ABDUL RAZAK IDRIS** menemui 'arkitek' kepada program tersebut, iaitu Naib Canselor UiTM, **PROF. EMERITUS DATUK DR. HASSAN SAID** bagi mengupas kejayaan tersebut.

untuk menjadi perintis dalam bidang aeroangkasa seterusnya membolehkan Malaysia menuju ke arah *space-faring nation*.

Projek kerjasama BIRDS-2 ini membawa kepada penubuhan Pusat Satelit Komunikasi (UiTMSAT) di Fakulti Kejuruteraan Elektrik, UiTM Shah Alam bagi menjalankan kerja-kerja penyelidikan berkaitan satelit dan teknologi angkasa.

Sehubungan itu, sebuah stesen bumi (*ground station*) telah didirikan di UiTM bagi tujuan hubungan dan komunikasi dengan satelit.

Selain itu, UiTMSAT juga mendukung cita-cita untuk menjadi platform atau hab negara bagi penyelidikan satelit komunikasi dan bidang seumpamanya, juga dalam bahagian latihan dan konsultasi bersama kerjasama-kerjasama industri.

Justeru, tidak dinafikan projek BIRDS-2 ini menjanjikan pelbagai peluang dari aspek teknologi, pendidikan dan komersial menjana kemajuan Malaysia pada masa depan.

Beberapa kos yang terlibat, bagi memastikan projek nano

satelit ini berhasil?

UiTM telah melahirkan ramai lulusan dan pakar dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan, perakaunan, senibina, perundangan dan kewangan.

Maka teretus idea untuk kita meneroka angkasa lepas dengan melibatkan pensyarah kita di Fakulti Kejuruteraan yang sedang melanjutkan pengajian Sarjana Kyutech.

Dekan dan pensyarah kedua-dua kakitangan UiTM tersebut mencadangkan agar mereka mengambil pengajian Doktor Falsafah (PhD) seandainya ingin membina satelit nano sebagai salah satu syarat-syaratnya.

Seterusnya kira-kira dua tahun lalu saya berusaha mendapatkan biasiswa untuk kedua-duanya bagi menyambung pengajian dalam bidang PhD.

Sejarah yang tercipta tersebut maksudnya bukan dicipta setakat tawaran membina satelit dari Kyutech semata-mata?

Ya, benar. Pencapaian yang dicipta bukan setakat kedua pensyarah kita menjadi pelajar PhD selepas nano

satelit dapat dibuat. Ada proses lain yang terlibat seperti mengumpul bajet dan proses membina nano satelit yang begitu kompleks.

Kita mengguna pakai bajet dalam Fakulti Kejuruteraan sebanyak RM350,000 dan dibantu oleh pihak Agensi Penerokaan Angkasa Jepun (JAXA) dan pihak Kyutech.

Apa pun kita telah berjaya melancarkan nano satelit bersama pelajar-pelajar dari Bhutan dan Filipina.

Apa manfaat jangka panjang program aeroangkasa selepas satelit nano dilancarkan?

Kita di UiTM perlu terus ke hadapan dan tidak boleh menoleh ke belakang lagi kerana kita mempunyai tanggung jawab untuk anak-anak bangsa.

Kita merancang untuk membina Pusat Kecemerlangan Aero Angkasa di UiTM Shah Alam atau di mana-mana lokasi untuk memastikan bidang ini dapat dikembangkan bukan setakat melancarkan satelit nano semata-mata, selepas itu berhenti setakat itu.

Bidang satelit ini bukan

setakat melancarkan satelit itu sendiri malahan mencakupi kejuruteraan, teknologi dan rekabentuknya. Pada masa depan kita boleh membina satelit yang lebih besar yang mampu memberi faedah lebih besar untuk negara.

Satelit bukan sahaja berfaedah untuk mengumpul data besar malahan ia boleh menyumbang dalam bidang pertanian, pembinaan, komunikasi dan keselamatan negara. Pendek kata manfaat ekonomi juga cukup besar jika kita berupaya mencipta satelit lebih besar.

UiTM kini berada dalam kelas tersendiri setelah kejayaan menghantar UiTMSAT-1. Adakah pihak UiTM mempunyai program berteknologi tinggi yang lain?

Selain pelancaran nano-satelit kita setiap tahun menyertai perlumbaan kereta solar di seluruh dunia termasuk Filipina dan Australia.

Kita juga memajukan teknologi Kenderaan Tanpa Pemandu (UAV) yang melibatkan inovasi dalam industri automotif.

Secara dasarnya setiap fakulti tidak kira kejuruteraan atau perubatan kita sentiasa menggalakkan penggunaan teknologi terbaharu.

Misalnya, di Hospital Pakar UiTM di Sungai Buloh kita mempunyai robot jurubedah yang dikendalikan oleh pakar perubatan kita yang bertaraf dunia. Semua ini kita lakukan bagi menjadikan UiTM lebih hebat dari sudut akademik dan insaniahnya.

Kita mahu melahirkan pakar dalam bidang teknologi yang lebih mementingkan manusia yang lain, bukannya teknologi bersifat material semata-mata.

LAMPIRAN 5
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 28
TARIKH: 20 SEPTEMBER 2018 (KHAMIS)

→ **BISNES**

Huawei minat kerjasama dengan TNB bangun HSBB

➔ Usaha sama
syarikat utiliti,
telekomunikasi
bolehkan jalur
lebar lebih murah



Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@nstp.com.my

Huawei Technologies Co Ltd terbuka dengan potensi untuk bekerjasama dengan Tenaga Nasional Bhd (TNB) bagi melaksanakan projek infrastruktur menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) di negara ini.

Ketua Pegawai Teknologi Huawei Technologies, Paul Scanlan, berkata buat masa ini tiada perbincangan secara terus dibuat di antara pihaknya dan TNB mengenai agenda telekomunikasi syarikat utiliti elektrik ne-

gara berkenaan.

Namun, beliau tidak menolak kemungkinan untuk bekerjasama dengan TNB pada masa akan datang, kerana kerjasama di antara syarikat utiliti dan telekomunikasi membolehkan perkhidmatan jalur lebar ditawarkan pada harga lebih rendah menerusi penjimatan kos memandangkan 65 peratus daripada kos keseluruhan HSBB melibatkan kos operasi.

"Syarikat utiliti menawarkan projek stesen jana kuasa sementara syarikat telekomunikasi memiliki pusat data dan lain-lain kemudahan yang mampu melengkapi satu sama lain."

"Saya tidak mengatakan ya atau tidak terhadap potensi kerjasama ini, namun kita akan mengkaji peluang ini," katanya pada sidang media selepas sesi forum di Persidangan Industri Bekalan Tenaga Elektrik (CEPSI) 2018 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di Kuala Lumpur, semalam.

Semakin relevan

Scanlan adalah antara panel bagi sesi forum bertajuk Pendigitalan bekalan tenaga elektrik (ESI) dan Revolusi Perindustrian 4.0 yang turut disertai Naib Presiden Kanan Kumpulan Bahagian Grid Kuasa Asia Selatan, Asia Barat dan Afrika ABB

Group, Venu Nuguri dan Naib Presiden Eksekutif TEPCO Power Grid Inc, Dr Hiroshi Okamoto.

Sementara itu, Nuguri berkata, sinergi di antara syarikat utiliti dan telekomunikasi kini menjadi semakin relevan dalam dunia pendigitalan ekonomi.

"Syarikat kini sedang melaraskan struktur perniagaan kami dengan model perniagaan tambahan berkaitan Internet Untuk Segala-galanya (IoT)."

"Ini membolehkan penggunaan kecerdasan buatan (AI) misalnya untuk proses *autonomous* yang kompleks dilaksanakan," katanya.



(Dari kiri), Scanlan, Nuguri dan Okamoto pada sidang media selepas sesi forum CEPSI 2018 di Kuala Lumpur, semalam.

REIMAGINING UTILITY OF THE FUTURE

KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE
17 - 22 SEPTEMBER

[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]

LAMPIRAN 6

NEW STRAITS TIMES (PROPERTY): MUKA SURAT 28

TARIKH: 20 SEPTEMBER 2018 (KHAMIS)



An aerial view of Tenaga Nasional Bhd's new development works in Bangsar. PIC BY ZAABA ZAKERIA

TRANSFORMATION OF JALAN BANGSAR

TNB's mega developments

SHAREN KAUR

THE transformation of Jalan Bangsar in Kuala Lumpur with landmark skyscrapers has been progressive over the last five to eight years, led by KL Eco City.

Jalan Bangsar is just a short stretch between KL Eco City and the Public Health Institute land (off Jalan Bangsar). However, besides that of KL Eco City, there are several other projects — some new phases within existing developments — coming up on the main road.

NST Property understands the combined gross development value (GDV) for these new projects is more than RM8 billion.

KL Eco City, with a GDV of over RM7 billion, is a mixed-use development that spans 10.12ha and was launched in 2011.

The project is located on the site of former Kampung Haji Abdullah Hukum — at one end of Jalan Bangsar, fronting Tenaga Nasional Bhd's (TNB) headquarters.

It is the first integrated green luxury develop-

ment in the area to be anchored by several prime commercial offices, as well as high-end retail and luxury residential offerings, and new phases are continuously being launched.

Pelaburan Hartanah Bhd (PHB) has also started a mixed-use development on a 8.09ha site opposite The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP).

The company is building at least seven towers with a GDV of more than RM5 billion on the site that used to house Unilever Malaysia's soap and margarine manufacturing plant.

While market players are eagerly waiting to see what type of buildings PHB will build there in terms of design and architecture, they are more surprised with the development projects undertaken by state utility giant TNB on its Bangsar land.

NST Property understands that TNB is undertaking two development projects, with a combined GDV exceeding RM2 billion, fronting the main road.

The first project involves the development of 1.52ha at the corner of Jalan Bangsar/Jalan Pantai Baru, facing the New Pantai Expressway (NPE).

TNB is said to be undertaking two development projects, with a combined GDV exceeding RM2 billion, fronting the main road.

The land is located near Sri Dasmesh International School and Sekolah Kebangsaan Bangsar.

The second project is located within the TNB headquarters premises, facing Jalan Bangsar and KL Eco City. The plan for this project is said to include four office blocks and shared facilities, as well as Balai Islam Center.

The third project is believed to be the development of a complex for building generation on about 5.67ha. It will comprise several generation buildings of no more than 10 floors opposite Zehn Bukit Pantai in Jalan Bukit Pantai.

It is understood that TNB, which aims to be the top 10 global utility by 2025, is building the complex at an estimated cost of about RM1 billion.

Earth clearing and piling works for all the three projects have started.

When contacted, officials from TNB declined to comment.

It has been reported that TNB has earmarked a recurring capital expenditure (capex) of RM10.5 billion this year for transmission, distribution and energy generation purposes. Last year, its capex was RM12.1 billion.

LAMPIRAN 6 (SAMBUNGAN) NEW STRAITS TIMES (PROPERTY): MUKA SURAT 29 TARIKH: 20 SEPTEMBER 2018 (KHAMIS)

'Three shortlisted for TNB job'

SHAREN KAUR

TENAGA Nasional Bhd (TNB) is believed to have shortlisted three companies to develop four office blocks and shared facilities within the vicinity of its headquarters in Jalan Bangsar, Kuala Lumpur.

The three companies are Sunway Construction Group Bhd, Ahmad Zaki Resources Bhd and Pesona Metro Holdings Bhd.

Sources close to TNB said the contract value for Phase 2 of the project is between RM700 million and RM800 million.

Phase 1, which includes a RM40 million job to build Balai Islam complex, has been awarded to Malaysian Resources Corp Bhd (MRCB).

"The frontrunner for Phase 2 is Sunway Construction, which will be awarded with the project soon," said the source.

This landmark development with a gross development value (GDV) of more than RM1 billion is expected to house TNB's workforce and offer enhanced synergy and organisation collaboration.

It is also likely where the new TNB headquarters will be located as the existing one is 81 years old. In 2007, TNB had planned to build a new 34-storey headquarters that would cost up to RM300 million and be ready by 2011, but it was called off due to the economic slowdown.

TNB had wanted a new office to cater for its 30,000 workforce and expand operations.


The headquarters were supposed to be designed based on Pucuk Rebung, which depicts a young bamboo shoot with strong foundations at its root and few leaves sprouting.

Meanwhile, Bayu Mantap Sdn Bhd, a company linked to property developer-cum-construction firm Melati Ehsan Holdings Bhd, is developing the 1.52ha land for TNB at the corner of Jalan Bangsar/Jalan Pantai Baru.

TNB and Bayu Mantap inked an agreement in June 2016 to undertake the freehold commercial development.

Bayu Mantap is controlled by Melati Ehsan's largest shareholder, Tan Sri Yap Suan Chee, and his family.

According to sources, TNB and Bayu Mantap will develop two high-rise towers and a two-level commercial complex, with a GDV



An artist's impression of the new Tenaga Nasional Bhd tower. MELATI EHSAN PIC

of RM1.3 billion to RM1.5 billion.

One of the towers will be a Grade A office building. The other tower will include high-end serviced apartments and a four- or five-star hotel.

According to Melati Ehsan's website, the two towers will have 66 and 54 levels, respectively.

The other parties involved in this project are international firms, such as Turner Construction Co and Woods Bagot.

Turner Construction is the project management company that is also managing Permodalan Nasional Bhd's PNB 118 building, which is under construction in Kuala Lumpur.

Woods Bagot, a global architecture firm that is responsible for award-winning projects like the National Australia Bank headquarters in Melbourne and Chongqing Tower in China, designed the towers.

URBAN REGENERATION PROJECTS

It is surprising that TNB has started the three projects when the overall market is

depressed.

A real estate expert said despite the current market sentiment, a development with the right mix of factors that include location, lifestyle concept, pricing and marketing mix can perform reasonably well and attract buyers.

What the market wants to know is whether the TNB developments will fair well in the current market situation where there is over-supply, especially in retail and office space.

PropertyGuru Malaysia country manager Sheldon Fernandez said the TNB redevelopment is similar to many other urban regeneration projects in Malaysia.

"The goal is to unlock latent value of the land and assets and, if done correctly, is a welcome move. Urban regeneration is an essential part of city development that is similar to the development of TRX (Tun Razak Exchange) and Bandar Malaysia," Fernandez told NST Property.

He said urban regeneration has proven to be successful, citing the transformation of KL Sentral.

Fernandez said the KL Sentral Suites is a good example.

"The crux of the matter, however, is in the details. How will the land be developed? What is the financing model put in place? Will it be a joint venture with TNB partnering an external developer? Will TNB still retain ownership of the land? What will the government's role

be in all this? Has there been a thorough SIA (social impact assessment), TIA (traffic impact assessment) and other impact assessment reports been conducted? Would it be a green building?

"Secondly, as always, there would be challenges, especially if the involved parties have different ideas. Recently, a similar development approach between UEM Sunrise Bhd and Telekom Malaysia Bhd signed in 2016 was scrapped.

"At this stage, we need to see more details from both parties before the full potential benefits of the projects and impact can be better gauged. But it is only natural for a company to wish to unlock its assets and commercialise or monetise them."

Fernandez said hospitality components would be a good fit for the TNB developments given the location, which is close to Pantai Hospital and Pullman Kuala Lumpur Bangsar hotel.

"A hotel may support medical tourism in the area. As for commercial and/or retail, this needs careful planning as there is a present glut of commercial spaces and there are established retail spaces in Bangsar. Mid Valley also is relatively close by.

"Perhaps the commercial or retail spaces can be geared towards the healthcare sector to give the development a unique edge. If it's going to be Grade A office spaces, this in the long run should continue to do well, as Malaysia continues to see reasonable demand for such spaces and in the long term will likely be filled out, barring other factors aside," he said.

Fernandez also does not think the TNB projects would directly compete with KL Eco City and Pelaburan Hartanah Bhd's seven towers opposite The News Straits Times Press (Malaysia) Bhd.

"Rather than compete, we always believe that complementing existing developments is a better strategy to unlock value, while at the same time finding a unique niche within the specific location. A medical tourism or hospitality component may be suitable for the development to distinguish itself from others," he said.

Fernandez said Bangsar remains a well-desired address and a mature locale and established suburb.

Prices continue to show upside on average for all residential property types — high-rise homes, landed terrace homes, semi-detached and bungalow residences, he said.

"However, residents have voiced concerns about overdevelopment. Therefore, it is rather crucial that developments remain sustainable. However, given the location of TNB's land, which is not too close to residential areas, it is likely to have little social impact. But a TIA and SIA should be conducted to ensure this," said Fernandez.

On whether TNB is turning to real estate development, Fernandez believes that it is likely that TNB has considered all propositions and has adopted this approach to maximise its investment.

TNB, in its 2017 annual report, said it has 76.19ha leasehold and freehold land in the Federal Territory of Kuala Lumpur valued at almost RM228 million.

The net book value of its land and buildings in Kuala Lumpur is in excess of RM700 million and nationwide RM14.45 billion.



LAMPIRAN 7
BERITA HARIAN (PENDIDIKAN): MUKA SURAT 64
TARIKH: 20 SEPTEMBER 2018 (KHAMIS)

→ PENDIDIKAN

1,300 sertai program kitar semula

➔ **AMR**
Environmental
anjur aktiviti
sehari di SK Sri
Pulai Perdana

Oleh Nurul Amanina Suhaini
cnews@nstp.com.my

✦ Johor Bahru

Kira-kira 1,300 murid termasuk guru Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Pulai Perdana, dekat sini, mendapat pendedahan pendidikan kitar semula menerusi program *Let's Recycle*.

Program sehari anjuran AMR Environmental Sdn Bhd itu merangkumi aktiviti interaktif yang mempromosikan pendidikan alam sekitar termasuk tarian *Baby Shark* oleh maskot Kitar Semula seperti kaca, plastik, kertas dan tin, selain ceramah, demonstrasi penjagaan alam sekitar oleh Pengarah Program berkenaan Cik Nurun Nasha Mohd Nasir dan kuiz menarik bersama murid serta guru.

Pengarah Urusan, Ammar Mohd Rashid, berkata program itu antara tanggungjawab sosial korporat (CSR) tahunan syarikatnya bersama sekolah terpilih dalam menjayakan aktiviti bertemakan alam sekitar.

Beliau berkata, inisiatif itu bertepatan dengan syarikatnya yang berfungsi sebagai perunding alam

sekitar dalam menjalankan perkhidmatan perundingan termasuk pematuhan kualiti alam sekitar.

Pendidikan alam sekitar

"Program ini bertujuan memberi pendedahan mengenai pendidikan alam sekitar pada peringkat awal iaitu seawal sekolah rendah, yang akhirnya akan berlanjutan hingga ke peringkat menengah sekali gus mendatangkan impak positif bukan hanya di sekolah, sebaliknya ke peringkat daerah, negeri mahupun negara.

"Usaha ini turut dilihat amat penting bagi mewujudkan sekolah sebagai institusi yang ceria, bersih dan kondusif, sekali gus memberi suasana persekitaran yang selesa kepada warga sekolah.

"Pembabituan guru juga sangat

penting bagi membantu meningkatkan pengetahuan dan kesedaran murid, selain mewujudkan kesedaran yang lebih efektif dalam kalangan masyarakat awam ke arah menjayakan kelestarian alam sekitar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penyerahan tong kitar semula sempena Program *Let's Recycle*, di sini.

Yang turut hadir, Pengarah Operasi AMR Environmental Sdn Bhd, Noor Hafizah Kusnin dan Guru Besar SK Sri Pulai Perdana, Siti Haidah Abd Hamid.

Dalam pada itu, Siti Haidah berkata, setiap tahun pihak sekolah mengadakan kerjasama dengan pihak luar yang lebih menumpukan program pembelajaran di luar bilik darjah sebagaimana pendidikan abad

ke-21, bukan sahaja mewujudkan suasana gembira, malah murid memberi tumpuan sepenuhnya.

"Dalam tempoh satu jam, ...sungguhpun program amat santai dan ringkas, ia sangat padat informasi dan murid dididik untuk lebih peka dengan kitar semula, selain disiplin murid meningkat bukan sahaja di kawasan sekolah, malah menjadi individu yang mementingkan gaya hidup sihat dalam amalan seharian, di samping menjadi lebih bertanggungjawab.

"Murid juga membawa plastik ke sekolah. Dengan mengingatkan guru untuk menasihati murid mengurus sampah masing-masing kecuali sampah makanan di kantin di dalam tandas, ia sebagai galakan mendidik mereka menjadi masyarakat prihatin," katanya.



Noor Hafizah bersama guru dan pelajar pada majlis penyerahan tong kitar semula sempena Program *Let's Recycle* di SK Sri Pulai Perdana, Johor Bahru.

LAMPIRAN 8
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 14
TARIKH: 20 SEPTEMBER 2018 (KHAMIS)

Firms eyeing much more in employees for IR 4.0

KUALA LUMPUR: To prepare itself for the Fourth Industrial Revolution, organisations are increasingly looking for a workforce with high adaptability, critical thinking skills and the ability to work in teams.

Berjaya Corporation Bhd Group Human Resource and Administration Division (Learning and Organisational Development) senior manager Laurence Yap said that for corporations such as Berjaya, it was not just about finding talents who had these skills but also equip its present employees with the skills needed to face IR 4.0.

"We need those with high adaptability and flexibility, so that they could easily adapt to changes.

"There will be a lot of automation, there will be a lot of data available to them.

"They will be involved in the decision-making process (using the data) so they need to have the maturity to make a good decision for the business," said Yap.

Malaysian Psychometrics Association president Dr Haniza Yon said that more organisations were using assessment tools to identify the right individuals for the right posts. She said that in the past, only experience and qualifications were important.

Today, employers were becoming



Job well done: myStarjob.com product manager Yussuf Aziz (right) presenting Loye with a memento after her keynote speech at the HR Conference, Talent Summit 2018 meeting at JW Marriot Hotel in Kuala Lumpur.

ing more aware that employees' personalities, especially the abilities to learn, adapt and work in teams, were important to face IR 4.0, she said.

Educational institutions were also adapting to the changing workplace environment.

HELP University vice-president for Corporate and Operational Performance Datin Dr Wendy Liow

said the university now embedded data analytics component in all its courses to equip students with the necessary skills to face IR 4.0.

Yap, Haniza and Liow were among the panellists at the Facing, Embracing, and Overcoming Current Talent Shortages forum at the HR Conference, Talent Summit 2018, along with TMP Worldwide general manager (Singapore)

Emmanuelle Loye, held at JW Marriot hotel here yesterday.

The forum was moderated by Google Malaysia industry manager Edward Ling.

The HR Conference, Talent Summit 2018: Future of Talent Management is a two-day conference organised by myStarjob.com together with Iconix Talent Network.

LAMPIRAN 9
UTUSAN MALAYSIA (LUAR NEGARA): MUKA SURAT 52
TARIKH: 20 SEPTEMBER 2018 (KHAMIS)

Udara tercemar tingkat risiko hidap dementia

PARIS 19 Sept. - Pencemaran udara di bandar, kebanyakan daripada asap kenderaan, dikaitkan dengan peningkatan risiko menghidap penyakit dementia, menurut penyelidikan diterbitkan hari ini.

Di seluruh dunia, kira-kira tujuh peratus individu berusia lebih 65 tahun menghidap Alzheimer atau beberapa bentuk penyakit nyanyuk, meningkat 40 peratus berbanding mereka berusia 85 tahun ke atas.

Jumlah mereka yang menderita penyakit berkenaan dijangka meningkat hampir tiga kali ganda di seluruh dunia menjelang 2050, sekali gus memberi cabaran besar kepada sistem penjagaan kesihatan.

“Pencegahan utama semua penyakit nyanyuk adalah kebimbangan kesihatan global bagi beberapa dekad akan datang,” kata para penyelidik dalam jurnal *BMJ Open*.

Bahan kimia yang dilepaskan oleh ekzos kenderaan seperti nitrogen dioksida dan jelaga berpotensi untuk meningkatkan risiko penyakit jantung, strok dan masalah pernafasan, terutamanya penyakit asma.

Bagaimanapun masih belum jelas sama ada kedua-dua bahan tersebut turut menyebabkan Alzheimer atau



UDARA tercemar boleh meningkatkan risiko penyakit nyanyuk. - AGENSI

bentuk penyakit nyanyuk lain.

Pada September 2015, Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat mendedahkan pengeluar kereta Jerman iaitu Volkswagen telah memasang sebuah peranti dalam kenderaannya untuk ‘menipu’ dalam ujian pelepasan bahan.


Dalam pada itu, Agensi Alam Sekitar Eropah menganggarkan lebih 400,000 orang di bandar Eropah mati pramatang setiap tahun akibat pencemaran udara. - AFP

Di seluruh dunia, kira-kira tujuh peratus individu berusia lebih 65 tahun menghidap Alzheimer atau beberapa bentuk penyakit nyanyuk.”

LAMPIRAN 10
UTUSAN MALAYSIA (LUAR NEGARA): MUKA SURAT 49
TARIKH: 20 SEPTEMBER 2018 (KHAMIS)

LUAR NEGARA

luarnegara@utusan.com.my



PUSAT kawalan dan berek di pusat ujian nuklear dimusnahkan ketika proses ke arah melucutkan senjata nuklear di Punggye-ri, utara wilayah Hamgyong, Korea Utara pada 24 Mei lalu. - REUTERS.

Korea Utara, Selatan capai persetujuan pada sidang kemuncak ketiga

Tutup kompleks nuklear utama?

■ PYONGYANG 19 SEPT.

KOREA Utara bersetuju membenarkan para penyiasat antarabangsa untuk memantau aktiviti memusnahkan fasiliti peluru berpandu utamanya secara kekal.

Menurut *Channel News Asia* memetik Presiden Korea Selatan, Moon Jae-in sebagai berkata, Pyongyang juga akan mengambil langkah tambahan seperti menutup kompleks nuklear utama Yongbyon sekiranya Amerika Syarikat (AS) mengambill tindakan yang sama.

"Korea Utara dan Selatan bersetuju bahawa Semenanjung Korea harus bebas daripada senjata dan juga ancaman nuklear," kata Jae-in susulan pertemuannya dengan pemimpin Korea Utara, Kim Jong-un ketika sidang kemuncak ketiga antara kedua-dua pihak semalam.

Bercakap pada sidang media bersama, Jong-un berkata, be-

liau akan melawat Seoul tidak lama lagi.

Pada sidang kemuncak itu, kedua-dua pemimpin menandatangani perjanjian bersama berkaitan hubungan antara Pyongyang serta Seoul.

Selain itu, ketua pertahanan antara kedua-dua negara mengadakan perbincangan berhubung kerjasama ketenteraan.

Sementara itu, Presiden AS, Donald Trump mengalu-alukan perkembangan positif antara Korea Utara dan Selatan dan menyifatkannya sebagai 'amat menarik'.

"Jong-un bersetuju untuk membenarkan pemeriksaan nuklear, bergantung pada rundingan terakhir dan merobohkan tapak ujian serta pelancaran nuklear dengan kehadiran pakar antarabangsa.

"Pada masa yang sama, tiada ujian roket atau nuklear," ujar Trump menerusi Twitter. - AGENTS/REUTERS



MOON JAE-IN (kiri) dan Kim Jong-un menunjukkan dokumen perjanjian yang dimeterai selepas sidang kemuncak kedua-dua negara di Rumah Tetamu Negeri Paekhwawon, Pyongyang, Korea Utara, kelmarin. - AFP

"Jong-un bersetuju membenarkan pemeriksaan nuklear, bergantung pada rundingan terakhir dan merobohkan tapak ujian serta pelancaran nuklear dengan kehadiran pakar antarabangsa. Pada masa sama tiada ujian roket atau nuklear."

DONALD TRUMP